Istilah *men having seks with men* (MSM) atau lelaki yang mengadakan hubungan seksual dengan lelaki direka untuk merangkumi semua lelaki yang mengadakan seks dengan lelaki, tanpa mengira identiti seksual mereka. Istilah ini amat penting dalam pengumpulan dan menganalisis data epidemiologi serta membuat perancangan dan pelaksanaan program yang berkaitan dengan isu-isu HIV/AIDS yang melibatkan populasi MSM. Secara umumnya, laporan epidemiologi MSM merangkumi kategori 'homoseksual', 'biseksual' dan 'heteroseksual' bagi melihat bagaimana transmisi HIV/AIDS mengambil tempat terutamanya melalui transmisi seksual. Ramai lelaki yang mengadakan hubungan seks dengan lelaki, mengidentifikasikan diri mereka sebagai heteroseksual dan bukannya sebagai homoseksual atau biseksual. Pada masa yang sama mereka ini melakukan hubungan seks dengan wanita atau berkahwin, atau hanya mengambil peranan insentif dalam seks dubur atau hanya melakukan seks dengan lelaki bagi memperoleh wang atau kemudahan yang boleh memberi kepentingan kepada mereka sendiri (UNAIDS, 2006).

Banyak negara-negara Asia yang mempunyai sejarah yang silam berkaitan dengan corak hubungan seksual terhadap golongan lelaki yang tertarik atau yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki. Kebanyakan lelaki yang tertarik dengan seksualiti lelaki yang lain selalunya mempunyai naluri yang sama terhadap seksualiti sejenis, walaupun istilah-istilah ini biasanya dibuat berdasarkan ekspresi gender dan peranan seksual yang diterima pakai bagi menggambarkan aktiviti melakukan hubungan seks dengan sesama gender lelaki (WHO, 2010).

MSM pada asasnya merupakan istilah epidemiologi yang dicipta oleh pegawai kesihatan awam yang memberi tumpuan dan menggambarkan senario kepada tingkah laku seksual untuk tujuan pengawasan HIV dan penyakit jangkitan seks atau *sexually transmitted diseases* (STDs) dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan seksual dengan lelaki yang lain. Andaian istilah epidemiologi MSM mengandaikan bahawa tingkah laku seksual yang membolehkan seseorang lelaki berhadapan risiko tinggi dijangkiti HIV dan penyakit kelamin (STDs) dan bukannya identiti seksual seseorang individu yang berisiko tinggi terdedah dengan jangkitan HIV dan penyakit jangkitan seksual.

Ia telah mencadangkan bahawa penyelidik dan pengamal kesihatan awam perlu berhati-hati apabila menerima pakai istilah MSM di mana penggunaan istilah MSM perlu mengambil kira dari segi aspek bahasa budaya yang relevan dalam perbincangan ahli-ahli kumpulan minoriti seksual. Lelaki yang tidak dikenali sebagai MSM khusus boleh mengelakkan tempat atau aktiviti-aktiviti yang sering dikunjungi oleh MSM. Situasi ini kemungkinan berlaku kerana golongan yang tidak ingin dikenali sebagai msm dan mereka ini mahu orang-orang lelaki yang hadir tadi mengenalpasti ekspresi gender mereka ini sebagai "gay". Ini mewujudkan satu cabaran kepada orang-orang yang tidak mahu diri mereka dikenali sebagai MSM

masih perlu untuk mengakses intervensi untuk memastikan mereka dilindungi daripada jangkitan HIV dan STI (WHO, 2010).

Pembuat dasar dan pengurus program perlu memahami bahawa label "MSM" yang mempertahankan kepelbagaian gender lelaki dalam kalangan populasi MSM dan boleh menghalang pembangunan kumpulan kecil khusus program pencegahan HIV dan intervensi penjagaan. Definisi seperti "MSM" atau "lelaki yang mengadakan seks dengan lelaki" mungkin bersesuaian untuk program-program pencegahan HIV kerana ia mempunyai hubungkait dengan sebagai tingkah laku seseorang dalam penyebaran HIV (WHO, 2010).

Di Asia Pasifik, orang-orang yang paling ketara mempunyai hubungan seks dengan lelaki biasanya terdiri daripada golongan transgendered (atau sida-sida) dan juga silang lelaki-perempuan di mana mempunyai kepelbagaian jenis gelaran mengikut budaya dan bahasa tempatan di setiap negara tersebut seperti gelaran "Hijrah" di Bangladesh dan India, "waria", "silang", "banci" atau "bencong" di Indonesia, "parlorista bakla" di Filipina, dan "fa'afafine" di Kepulauan Pasifik. Mereka umumnya mengenal pasti dan berkelakuan serta hidup sebagai wanita, termasuk memakai pakaian wanita. Ramai daripada golongan transgender ini terpaksa bekerja sebagai pekerja seks akibat daripada sikap diskriminasi masyarakat tempatan terhadap personaliti diri mereka sebagai transgender. Apabila golongan ini sukar mendapatkan pekerjaan, akhirnya golongan ini terpaksa menjadikan kerjaya pekerja seks sebagai sumber pendapatan bagi meneruskan kehidupan seharian yang penuh dengan pelbagai cabaran (UNAIDS, 2006).

Tingkah laku seks sesama lelaki masih lagi didiskriminasikan di hampir semua negara di Asia dan Pasifik walaupun dipersetujui oleh kedua-dua lelaki dewasa dalam melakukan perbuatan seksual sejenis di tempat tertutup seperti berlaku di negara Australia, Hong Kong dan New Zealand. Tambahan pula, hampir kebanyakan negara di dunia terutamanya bekas tanah jajahan British seperti Bangladesh, Malaysia, Pakistan dan Singapura mempunyai undang-undang jenayah seksual seperti kes rogol, gangguan seksual dan perbuatan seks sesama jantina seperti golongan transgender, gay, biseksual dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan seks semasa jantina merupakan satu perbuatan jenayah di negara tersebut (UNAIDS, 2009).

Namun begitu sebelum tahun 2009, tingkah laku seksual sesama jantina merupakan satu perbuatan yang melanggar undang-undang Penal Code Se 377 di negara India. Tetapi selepas tahun 2009, negara India mengiktiraf golongan minoriti seperti transgender, gay lesbian dan sebagainya bagi melindungi hak asasi golongan ini. Senario perundangan negara India kini mengiktiraf tingkah laku seksual sesama jantina sekiranya berlaku persetujuan kedua-dua pihak (UNAIDS, 2010). Dalam negara Jepun dan China pula, kedua-dua negara ini tidak mempunyai undang-undang berkaitan dengan homoseksual kerana negara tersebut tidak menganggap isu ini boleh mengancam kedaulatan dan keselamatan rakyat mereka. Namun begitu, program dan dasar berkaitan dengan penularan HIV tidak boleh mengabaikan golongan MSM terutamanya golongan minoriti transgender di seluruh dunia kerana golongan marginal ini berisiko tinggi ke arah penularan HIV yang akan secara langsung dan tidak langsung boleh menyebabkan transmisi HIV kepada masyarakat setempat melalui cara transmisi seksual (UNAIDS, 2006).



Golongan transgender terus dimasukkan di bawah istilah payung "MSM". Walau bagaimanapun, ia semakin diiktiraf bahawa TG mempunyai keperluan yang unik dan kebimbangan, dan ia akan menjadi lebih berguna untuk melihat mereka sebagai kumpulan yang berasingan. Istilah "orang transgender" secara amnya digunakan untuk menggambarkan orang-orang yang melampaui batas norma-norma jantina sosial.

Orang transgender boleh hidup sepenuh atau separuh masa dalam memainkan peranan jantina "bertentangan" kepada biologikal seks kelahiran mereka (Chakrapani, 2006). Selain itu, "transgender" adalah satu tempoh menyeluruh untuk orang yang identiti jantina, ungkapan, atau tingkah laku berbeza daripada norma-norma seks kelahiran mereka. Pelbagai identiti jantina berada di bawah kategori ini, termasuk wanita transgender, lelaki transgender, lelaki-perempuan (MTF), wanita untuk lelaki (FTM), transeksual, wadam, seret ratu / raja, dan gender aneh. Walaupun sesetengah orang transgender mencari transformasi fizikal melalui penggunaan hormon, pembedahan perubahan jantina, pembedahan atau prosedur kosmetik, yang lain mengikuti ungkapan gender maskulin atau feminin melalui kelakuan atau persembahan sendiri (contohnya, dengan berpakaian sebagai seorang lelaki atau wanita) (Kelly, 2009).

Dalam penyelidikan ini, hanya sub populasi kecil transgender wanita akan dijadikan tumpuan iaitu seseorang lelaki yang memainkan peranan dan menganggap nalurinya sebagai seorang wanita. Dalam budaya Malaysia golongan ini digelar sebagai Mak Nyah.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, apabila masyarakat membincangkan tentang isu HIV/AIDS dalam kalangan transgender, masih banyak yang kurang diketahui apakah jenis-jenis tingkah laku yang sangat berisiko tinggi dalam penularan HIV dalam kalangan golongan minoriti transgender ini. Oleh kerana kekurangan maklumat tentang corak tingkah laku yang sangat berisiko tinggi ke arah penularan HIV dalam kalangan transgender di negara kita, maka isu ini merupakan salah satu tanda tanya yang berpanjangan dalam usaha menyekat penularan HIV dalam kalangan golongan ini yang kerap kali dipinggirkan daripada masyarakat setempat.

Sejarah kes HIV di Malaysia bermula apabila tiga kes HIV yang pertama di Malaysia telah mula dikesan pada tahun 1986 dan selepas lebih 20 tahun epidemik HIV dikesan di Malaysia, ia mencatatkan sebanyak 87,710 orang yang menghidapi HIV. Kira-kira 10,5439 orang kini hidup dengan HIV, tambahan pula sebanyak 13,394 kes kematian berkaitan AIDS telah dilaporkan pada tahun 2009 (MOH 2010). Kini, kumulatif kes jangkitan HIV dilaporkan terutamanya melalui cara penyuntikan dadah adalah sebanyak (70.6%) diikuti hubungan transimisi heteroseksual tercatat (16.9%) dan hubungan homoseksual atau biseksual adalah sebanyak (2.0%). Walau bagaimanapun data pada tahun 2009 telah menunjukkan sebanyak 55.2 peratus kes-kes baru HIV bagi tahun itu disebabkan oleh suntikan dadah dan 32 peratus melalui transimisi seksual termasuk kategori heteroseksual dan homoseksual/biseksual. Namun begitu, pada tahun 2002, telah diputuskan bahawa sistem pengawasan HIV yang sedia di Malaysia dalam melaporkan kes-kes baru dalam kalangan sub populasi ini tidak menerangkan secukupnya mahu pun data yang diperolehi dapat digunakan dalam menerangkan bagaimana epidemik HIV berlaku dalam kalangan heteroseksual

dan homoseksual/ biseksual (Ministry of Health & WHO Western Pacific Region, 2006).

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia memutuskan untuk menggabungkan penggunaan kaji selidik pengawasan tingkah laku dalam sistem yang sedia ada. Malah pemantauan terhadap tingkah laku yang berisiko boleh memainkan peranan penting dalam menerangkan bagaimana penyebaran HIV dalam risiko berbeza dalam kalangan sub populasi yang sangat terdedah dengan HIV terutamanya dalam kalangan transgender. Kaji selidik pengawasan tingkah laku telah disesuaikan untuk tujuan ini bermula pada tahun 2004 yang diikuti oleh penggunaan bersepadu pemantauan kajian *bio behavioral* (IBBS). Kemudian kaji selidik IBBS telah pun dijalankan di Lembah Klang oleh Majlis AIDS Malaysia pada tahun 2009 dengan mensasarkan tiga populasi yang sangat terdedah dengan penularan HIV iaitu golongan pengguna dadah, pekerja seks, perempuan dan transgender. Pada tahun 2009, kaji selidik IBBS telah memainkan peranan yang penting dalam memberikan penjelasan yang lebih baik tentang bagaimana populasi tersebut terdedah dengan HIV dan pada masa yang sama kaji selidik tersebut menerangkan tingkah-tingkah yang berisiko tinggi dijangkiti HIV dalam kalangan populasi pengguna dadah, pekerja seks, wanita dan transgender (Eam & Yik Koon, 2010).

Setelah kaji selidik IBBS dilakukan terhadap golongan transgender pada tahun 2009, satu gambaran yang jelas boleh dilihat dari segi penularan HIV dalam populasi tersebut. Hasil dari kaji selidik ini, pihak MAC mendapati wujud transmisi HIV sebanyak 9.3 peratus dalam kalangan transgender di sekitar lembah Klang. Namun begitu melalui kajian tersebut, mendapati bahawa empat dari lima responden transgender pernah terlibat dalam aktiviti penjualan seks pada tahun 2008 dan sebanyak 94 peratus daripada golongan ini menggunakan kondom semasa

mengadakan kegiatan seksual mereka. Walau bagaimanapun hanya 37 peratus daripada golongan ini pula mempunyai pengetahuan HIV/AIDS dari aspek mencegah transmisi HIV melalui pendekatan seksual. Secara keseluruhan, walaupun mempunyai sebahagian besar daripada responden yang menggunakan kondom, namun begitu golongan transgender masih mencatat peratus kes HIV sebanyak 9.3 peratus. Hal ini masih menyebabkan kebimbangan kepada masyarakat terutamanya dari aspek keberkesanan program-program pencegahan HIV kerana secara keseluruhan masih wujud segelintir golongan transgender masih tidak mengamalkan penggunaan kondom dengan pasangan yang tidak membayar langganan seks seperti teman lelaki dan klien lama (Eam & Yik Koon, 2010). Penyelidikan yang telah dijalankan oleh Teh & Khartini (2000) tentang mak nyah di Malaysia telah melaporkan bahawa daripada 507 responden mak nyah, hanya 68 peratus responden mempunyai pengetahuan tentang penggunaan kondom dengan cara yang betul. Namun begitu daripada kumpulan kecil ini hanya 30 peratus daripada mereka mengamalkan tingkah laku seks secara selamat dengan menggunakan kondom. Dalam penyelidikan yang sama, 71 peratus responden mempunyai pengetahuan tentang HIV/AIDS tetapi hanya 10 peratus daripada mereka mengamalkan tingkah laku seks secara selamat (UNAIDS, 2010). Daripada kedua-dua laporan penyelidikan tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan transgender sangat berisiko tinggi ke arah transmisi HIV akibat daripada kurang pengetahuan dalam pencegahan penularan HIV terutamanya mereka tidak mengamalkan tingkah laku seksual secara selamat tanpa menggunakan kondom. Justeru itu, sistem sokongan sosial golongan transgender sangat memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan golongan ini dari segi pengetahuan HIV/AIDS agar dapat mencegah golongan ini

terlibat dalam sebarang bentuk tingkah laku yang sangat berisiko tinggi ke arah penularan HIV.

Selain daripada tingkah laku yang sangat berisiko tinggi ke arah penularan HIV seperti mengamalkan seks secara selamat dengan menggunakan kondom, penyelidikan ini juga melihat sejauhmanakah golongan transegender terlibat dengan tingkah laku pengambilan dadah. Daripada laporan kaji selidik IBBS dilakukan terhadap golongan transgender pada tahun 2009, dilaporkan bahawa 11.7 peratus responden transgender mempunyai pasangan seks yang menyuntik dadah manakala 3.1 peratus responden transgender telah menyuntik dadah pada masa lalu (MOH 2010).

Menurut Teh (2002), beberapa temubual telah dijalankan dengan beberapa pemimpin transgender yang sangat aktif dalam kerja-kerja advokasi dan memperkasakan golongan transgender untuk mengetahui kehidupan seharian transegender di Malaysia. Menurut pandangan dan pengalaman seorang individu transgender bernama Shakila, lebih daripada 40 peratus mak nyah mempunyai tingkah laku mengambil dadah dan 30 peratus daripada kumpulan ini mengambil dadah secara suntikan dan peratusan mak nyah yang lain lebih gemar mengambil dadah jenis sintetik seperti Estacy dan Ice Baby. Dadah jenis Estacy sering digunakan oleh golongan muda mak nyah untuk tujuan mengurangkan berat badan mereka. Dalam hasil temu bual yang berasingan bersama Danisha, seorang bekas pemimpin formal transgender di Malaysia telah menyatakan bahawa 80 peratus golongan transgender yang bekerja sebagai pekerja seks mengambil dadah dan 25 peratus daripada mereka mengambil dadah secara suntikan. Sebuah lagi temu bual telah dijalankan oleh (Teh & khartini, 2000) bersama dengan Sulastri iaitu bekas pengurus IKHLAS yang merupakan salah satu pertubuhan NGO di Malaysia yang

menjaga kebajikan golongan transeksual. Menurut Sulastris, lebih kurang 50 peratus daripada komuniti transeksual mengambil dadah dan 20 peratus golongan ini mengambil dadah secara suntikan (Teh & khartini, 2000).

Sebagai buktinya, hasil temu bual Teh dengan beberapa individu transgender jelas menunjukkan bahawa isu penggunaan dadah merupakan salah satu isu sosial yang dialami oleh komuniti transgender di Malaysia walaupun tiada laporan statistik yang tetap untuk menjelaskan isu ini. Daripada jadual 1, jelas menunjukkan sehingga ke hari ini, tiada sebarang laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menunjukkan statistik golongan transgender Malaysia yang terlibat dalam aktiviti penggunaan dadah dan pekerja seks dalam kalangan transgender. Pada masa yang sama, tiada sebarang statistik yang menunjukkan keseluruhan bilangan transgender yang telah dijangkiti HIV atau AIDS di Malaysia. Selain itu, melalui kajian lepas tiada menyebut apa-apa masalah yang dihadapi oleh transgender terutama dalam sistem interaksi sosial mereka ketika berhadapan dengan isu epidemik HIV/AIDS di Malaysia. Dengan kata lain, sumber bacaan tentang transgender adalah sangat berkurangan terutamanya berkaitan kehidupan seharian golongan ini khususnya dari segi tingkah laku seksual yang selamat dan cabaran-cabaran yang dilalui oleh golongan transgender dalam masyarakat di negara ini. Maklumat-maklumat seperti ini dilihat penting dan perlu didokumentasikan dalam usaha memahami permasalahan yang wujud dalam kalangan golongan transgender di Malaysia, terutamanya mereka yang berada dalam negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama, maklumat-maklumat ini boleh dijadikan panduan dalam usaha pembentukan program pencegahan HIV/AIDS ke arah usaha memperkasakan pengetahuan golongan transgender HIV/AIDS, dan seterusnya pendekatan ini secara langsung boleh mencegah risiko HIV pada peringkat awal lagi. Oleh yang demikian,

penyelidikan ini sangat penting dalam memahami sejauhmana golongan ini mengamalkan tingkah laku yang selamat dalam usaha mencegah daripada penularan HIV apabila berada dalam sistem sokongan sosial mereka. Sekiranya sistem sokongan sosial golongan ini tidak dapat berfungsi dengan baik, maka golongan ini keberkemungkinan besar tidak dapat mengamalkan tingkah laku yang selamat sehingga boleh terdedah dengan penularan HIV.

Seterusnya, permasalahan kajian yang dikenal pasti dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan isu penerimaan personaliti dalam sistem sokongan sosial golongan transgender. Walaupun sehebat mana pun program kesedaran HIV/AIDS dirancang dan dilaksanakan untuk masyarakat kita terutamanya golongan transgender di Malaysia, namun begitu usaha ini akan sedikit sebanyak akan terjejas sekiranya masyarakat kita tidak mahu memahami personaliti dan kehidupan seharian seorang transgender di negara kita.

Kebiasaanya golongan transgender di Malaysia dikenali sebagai mak nyah dan masyarakat setempat selalu mempersendakan golongan mak nyah tanpa memahami kehidupan seharian mereka ini. Mereka juga dilabelkan sebagai 'pelik' atau 'pondan' kerana mereka adalah lelaki yang berpakaian dan berkelakuan seperti kaum wanita. Mengikut konsep Anthony Giddens (1973), mereka diklasifikasikan sebagai golongan kelas bawahan dalam mana jua masyarakat sekali pun termasuklah Malaysia. Apa sahaja masalah yang timbul wujud hasil daripada pandangan dan layanan yang diberikan oleh masyarakat terhadap golongan transgender ini. Ini adalah kerana persepsi umum ke arah komuniti ini di mana mereka memilih untuk menjadi siapa yang mereka mahu. Kerap kali persepsi orang ramai akan golongan transgender mula berkelakuan berbeza semasa kecil, mereka kerap dikatakan berkelakuan pelik kerana ibu bapa mereka mahu kanak-kanak perempuan, kerap kali

berpakaian seperti perempuan walaupun dilahirkan sebagai lelaki. Jadi, anak-anak lelaki ini akan membesar seperti wanita dan akhirnya memikirkan dirinya sebagai seorang gadis. Satu lagi perkara yang biasa diperkatakan adalah mereka (mak nyah) tidak mempunyai adik-beradik lelaki dan tidak mempunyai apa-apa peranan lelaki sebagai 'role model'. Hal ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kelakuan mereka sehingga membentuk sifat dan personaliti seorang perempuan (MOH, 2010).

Di Malaysia penyelidikan tentang sokongan sosial dalam kalangan transgender sangat kurang dan masyarakat setempat masih tidak mengetahui cabaran yang ditempuhi oleh mereka terutamanya penerimaan personaliti transgender oleh masyarakat kita. Hasil penyelidikan Teh & khartini (2000) turut merangkumi kehidupan mak yah di Malaysia yang menyentuh isu sokongan sosial yang diterima oleh mereka terutamanya orang yang paling terdekat dengan kehidupan mak nyah seperti ibu bapa, komuniti mak nyah dan masyarakat setempat. Hasil daripada penyelidikan tersebut, mendapati bahawa 71 peratus daripada responden menganggap diri mereka dalam kategori wanita. Manakala itu terdapat 6 peratus responden menganggap diri mereka sebagai seorang lelaki dan 23 peratus berpendapat bahawa mereka mempunyai dua jantina iaitu lelaki dan perempuan (Teh, 2002). Kajian tersebut jelas membuktikan bahawa golongan ini mempunyai naluri seorang wanita dalam kehidupan mereka. Dalam kajian yang sama yang dilakukan oleh Teh, menjelaskan bahawa daripada jumlah responden sebanyak 507, hampir 60 peratus responden mempunyai kawan-kawan yang juga mempunyai identiti sebagai seorang mak yah. Namun begitu daripada jumlah ini hanya 22 peratus responden mendapat sokongan emosional daripada kumpulan tersebut. Kebanyakan responden mak yah sering mendapat galakan dan sokongan moral bagi meneruskan kehidupan mereka sebagai mak nyah daripada kawan-kawan yang terdiri daripada golongan mak yah



mahu pun bukan daripada golongan mak nyah (57%). Hanya 40 peratus daripada mak yah mendapat sokongan emosi daripada kaum keluarga bagi meneruskan kehidupan sebagai seorang mak nyah (Teh, 2002). Pada masa yang sama, penyelidikan Teh juga mendapati bahawa 60 peratus daripada keluarga responden menyokong terhadap personaliti diri mereka sebagai seorang mak yah dan selebihnya tidak menyokong personaliti mereka dalam kehidupan seharian (Teh, 2002). Daripada hasil kajian tadi jelas menunjukkan bahawa sokongan daripada sistem sokongan sosial transgender sangat penting agar golongan ini tidak terus dipinggir akibat daripada perwatakan dan personaliti sebagai seorang mak yah. Sokongan sosial daripada orang yang terdekat dengan transgender seperti ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara, rakan-rakan sangat penting agar perkembangan kehidupan mereka adalah ke arah bercorak positif yang boleh menggalakan kefungsiian sosial dalam mencapai kesejahteraan hidup mereka ini.

Pada tahun 1983 Persidangan Raja-Raja Malaysia memutuskan bahawa fatwa melarang operasi perubahan seks ke atas semua umat Islam tetapi pembedahan organ seks dibenarkan bagi kes hermaphrodites (Teh, 2002). Mak nyah yang beragama Islam dianggap melanggar rukun Islam dan mereka bukanlah entiti masyarakat Malaysia. Mereka harus di dakwa dalam Mahkamah Syariah kerana melanggar prinsip-prinsip dan rukun agama Islam. Mak nyah yang bukan umat Islam adalah dari bangsa Buddist, Kristian dan Hindu dibenarkan mengekalkan identiti sebagai seorang mak nyah termasuk membuat pembedahan seksual jika mereka mampu melakukannya. Ini adalah kerana tiada ketetapan agama seperti mana terdapat pada umat Islam yang melarang. Golongan transgender boleh di dakwa di bawah Kanun Keseksan Seksyen 377 di atas kesalahan jenayah seks oral dan hukuman termasuk penjara, denda dan sebat jika seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan

atau berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh disabitkan dan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kewujudan undang-undang ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada program-program pencegahan penularan HIV dan mengubah tingkah laku berisiko tinggi dijangkiti HIV menjadi lebih sukar. Apabila golongan transgender di Malaysia sering mendapat tentangan daripada masyarakat setempat, situasi ini secara langsung melemahkan sistem sokongan sosial mereka. Akibat daripada situasi ini juga, kerap kali sistem sokongan sosial golongan transgender tidak dapat berfungsi dengan baik kerana penampilan mereka yang tidak mendapat sokongan daripada masyarakat setempat. Pada situasi ini, golongan transgender akan cuba mengasingkan diri mereka daripada masyarakat setempat dan ini akan menyukarkan pihak berkuasa untuk menyampaikan perkhidmatan dan program kesedaran HIV/AIDS kepada mereka. Senario ini sudah tentu akan meningkatkan kes HIV/AIDS dalam kalangan transgender dan akhirnya golongan ini tidak akan mencapai kesejahteraan hidup kerana kesihatan mereka telah terjejas sehingga mengganggu kehidupan seharian mereka ini.

Seterusnya permasalahan mengakses perkhidmatan kesihatan merupakan isu yang bukan sahaja menjejaskan kehidupan (PLHIV) dan orang-orang disekeliling mereka, malah mereka juga hadir sebagai halangan kepada pembangunan dan pelaksanaan pencegahan HIV, rawatan penjagaan dan program-program sokongan. Pada masa yang sama, wujud beberapa kajian yang sedia ada di mana wujud isu stigma dan diskriminasi dalam kalangan pekerja di beberapa klinik dan hospital terhadap golongan transgender tetap kekal sebagai satu isu tetapi kini terdapat

beberapa perubahan dalam isu ini semenjak dua dekad yang lalu. Beberapa hospital seperti Hospital Sungai Buluh, University Malaya Medical Centre (UMMC) mempunyai staf yang menyokong dan tidak memilih atau bersikap berat sebelah sama ada mereka mempunyai HIV atau bebas daripada jangkitan penyakit tersebut. PLHIV yang memerlukan rawatan kecenderungan untuk memihak kepada hospital-hospital dan kemudahan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan lain yang lebih dekat dengan rumah pesakit. Kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan untuk PLHIV jarang digunakan sepenuhnya kerana golongan PLHIV masih berhadapan dengan isu stigma dan diskriminasi daripada masyarakat kita (MOH, 2010). Senario ini telah menjadikan golongan transgender yang hidup dengan HIV berasa lebih takut untuk mengakses rawatan perubatan akibat daripada stigma dan diskriminasi daripada masyarakat kita.

Berdasarkan maklumat tentang permasalahan yang ditempuhi oleh golongan transgender dalam kehidupan seharian mereka, maka kajian ini ingin mengkaji tentang tahap kesedaran dan pengetahuan HIV/AIDS para responden yang menyentuh tingkah laku berisiko tinggi ke arah penularan HIV seperti tingkah laku seksual yang tidak selamat, terutamanya penggunaan kondom dalam kalangan responden. Ini kerana masih wujud sesetengah golongan transgender sangat berisiko tinggi ke arah transmisi HIV akibat daripada kurang pengetahuan dalam pencegahan penularan HIV terutamanya mereka tidak mengamalkan tingkah laku seksual secara selamat iaitu tanpa menggunakan kondom.

Pada masa yang sama, penyelidikan ini penting bagi melihat kefungsi sosial dari aspek sistem sokongan sosial dalam kalangan transgender. Di Malaysia penyelidikan tentang sokongan sosial dalam kalangan transgender sangat kurang dan masyarakat setempat masih tidak mengetahui cabaran yang ditempuhi oleh mereka

terutamanya penerimaan personaliti transgender oleh masyarakat kita. Apabila sesetengah daripada masyarakat sukar menerima golongan transgender maka tidak hairan golongan ini sering kali menghadapi isu stigma dan diskriminasi sehingga menjejaskan kefungsi sosial dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu penyelidikan ini penting bagi melihat kesan impak terhadap sistem sokongan sosial (mikro, meso dan makro) para responden terutamanya isu penerimaan identiti transgender daripada masyarakat setempat.

Kesukaran mengakses perkhidmatan kesihatan merupakan isu yang bukan sahaja menjejaskan kehidupan (PLHIV) dan orang-orang disekeliling mereka, malah mereka juga hadir sebagai satu halangan kepada pembangunan dan pelaksanaan pencegahan HIV, rawatan penjagaan dan program-program sokongan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Di Malaysia masih wujud kekurangan maklumat mengenai cabaran sosial yang dihadapi oleh golongan transgender dalam kehidupan seharian mereka. Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa persoalan kajian bertujuan menerokai dan memahami cabaran sosial yang dihadapi dalam sistem sokongan sosial golongan ini seperti berikut:

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan HIV/AIDS dalam kalangan golongan transgender.
2. Sejauh manakah golongan transgender terdedah dengan tingkah laku seksual tidak selamat.
3. Apakah jenis sokongan sosial yang diterima dalam sistem sokongan sosial (mikro, meso dan makro) dalam kalangan transgender.
4. Apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh golongan transgender dalam mengakses perkhidmatan kesihatan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa objektif yang telah dicapai oleh penyelidik. Objektif penyelidikan ini sangat penting kerana ia merupakan satu arah tuju sesebuah kajian bagi mencapai hasil kajian. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan ini berdasarkan kepada objektif-objektif berikut :

1. Meneroka tahap pengetahuan HIV/AIDS dalam kalangan golongan transgender.
2. Meneroka tingkah laku seksual yang tidak selamat yang diamalkan oleh golongan transgender.
3. Menganalisis corak sokongan sosial yang diterima dalam sistem sokongan sosial (mikro, meso, makro) dalam kalangan transgender.
4. Menganalisis bentuk cabaran yang dihadapi oleh golongan transgender.
5. Mencadangkan intervensi dan perkhidmatan kerja sosial yang dapat meningkatkan kefungsiian sosial golongan transgender berhadapan dengan isu-isu HIV dan AIDS.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini sangat berguna kepada negara kerana hasil penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mengurangkan transmisi HIV/AIDS dan sekali gus meningkatkan kefungsiian sosial ke arah mencapai kesejahteraan hidup dalam kalangan transgender di negara ini. Melalui penyelidikan ini, pihak kerajaan dan masyarakat setempat dapat memahami psikososial golongan belia transgender dalam meneruskan kehidupan dengan berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuklah isu stigma dan diskriminasi ke atas golongan ini.

Diharapkan hasil penemuan penyelidikan ini dapat membantu pihak kerajaan dan NGO memantapkan lagi program kesedaran HIV/AIDS kepada golongan ini, terutamanya menggalakkan golongan ini melakukan ujian *voluntarily counseling test* (VCT) yang merupakan salah satu cara mengurangkan penularan HIV/AIDS dalam golongan ini.

Penyelidikan ini juga dilihat penting dalam usaha pihak kerajaan dan swasta menyediakan perkhidmatan sosial kepada golongan belia transgender di Malaysia dalam menjaga kebajikan sosial mereka ini. Sistem sokongan sosial yang dimainkan oleh pihak kerajaan, swasta dan NGO sangat penting dalam meningkatkan kesejahteraan hidup golongan belia transgender yang hidup dengan HIV/AIDS di Malaysia. Oleh itu hasil penemuan penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan dalam menyediakan perkhidmatan sosial yang terbaik mengikut kesesuaian golongan belia transgender yang hidup dengan HIV/AIDS agar mereka tidak disisihkan dalam Dasar Sosial Negara.

Pada masa yang sama, penyelidikan ini boleh menyumbang terhadap Plan Strategik Kebangsaan HIV/AIDS 2010-2015 dalam menyediakan maklumat tambahan tentang golongan belia transgender yang hidup dengan HIV/AIDS yang mungkin mengalami kesukaran mendapatkan informasi dan perkhidmatan kesihatan dalam usaha mencegah penularan HIV/AIDS di negara kita. Penemuan kaedah intervensi yang bersesuaian dengan golongan transgender yang hidup dengan HIV/AIDS dalam penyelidikan ini boleh diaplikasi oleh pihak kerajaan, swasta dan NGO dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial agar populasi ini dalam mencapai kesejahteraan hidup. Tambahan pula, penyelidikan ini sangat berguna kepada para pekerja sosial di Malaysia untuk mengetahui dengan lebih mendalam

aspek psikososial yang dialami oleh golongan transgender dan seterusnya dapat memberikan intervensi yang lebih efektif kepada golongan ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, penyelidikan akan menerangkan tentang beberapa istilah yang sering kali digunakan bagi menggambarkan golongan transgender mengikut kebudayaan sesebuah negara. Pada masa yang sama, bab sorotan karya ini akan mengupas tentang tahap pengetahuan HIV/AIDS dan corak tingkah yang berisiko tinggi ke arah penularan HIV dalam kalangan golongan transgender di sekitar beberapa negara dan negara malaysia. Pada masa yang sama, penyelidik ingin membincangkan tentang isu stigma dan diskriminasi yang sering kali dihadapi oleh golongan ini akibat daripada identiti gender mereka yang sering kali di tolak oleh masyarakat sekeliling. Selain itu bab ini juga akan sedikit sebanyak akan membincangkan tentang cabaran yang ditempuhi oleh golongan transgender dari aspek sistem sokongan sosial yang sedikit sebanyak telah menjejaskan kefungsiian sosial sehingga gagal mencapai kesejahteraan hidup.

Sementara itu, bab ke-2 ini juga akan mengupas sedikit sebanyak tentang kerangka teoretikal di mana bagi melihat masalah yang dihadapi dalam kehidupan golongan transgender secara menyeluruh dengan menggunakan beberapa teori dan model. Kerangka teoretikal ini pada masa yang sama sangat penting bagi merangkan corak pertolongan yang yang boleh disalurkan kepada golongan transgender bagi memperkasakan kehidupan mereka agar dapat mengelak penularan HIV/AIDS daripada merebak dalam golongan marginal ini.



## **2.1 Istilah Transgender**

Transgender merupakan satu terma yang digunakan untuk menggambarkan identiti gender, ekspresi seksual atau perbezaan tingkah laku jantina daripada asal kelahiran jantina sejak mereka dilahirkan. Sebagai contohnya, walaupun pada mulanya mereka dilahirkan sebagai seorang lelaki atau wanita, pada suatu peringkat dalam kehidupan, mereka secara perlahan-lahan akan mengubah tingkah laku jantina mereka yang bertentangan dengan jantina asal. Identiti jantina juga berada di bawah kategori ini termasuklah transgender woman (wanita transgender), transgender men (lelaki transgender), male-to-female (MTF) iaitu seorang lelaki kepada wanita, female-to-male (FTM) iaitu seorang wanita kepada lelaki, transsexual (transeksual), transvestite (wadam), drag queen/king dan sebagainya. Manakala itu, terdapat juga beberapa transgender mencari transformasi fizikal melalui penggunaan hormon, pembedahan seksual, kosmetik dan sebagainya digunakan memuaskan jantina lelaki atau gender feminin melalui tingkah laku atau pelampiran sendiri. Sebagai contoh dengan berpakaian seperti seorang lelaki atau perempuan akan memakai pakaian gender yang bertentangan dengan gender asal mereka bagi memuaskan hati dan naluri gender baru mereka (Mottet & Tanis, 2008).

## **2.2 Tokoh-Tokoh Perintis Dalam Bidang Transgender**

Dalam kes homoseksual, kajian perubahan transgenderism telah bermula pada abad ke-19. Sejak abad ke-19 sehingga sekarang masih wujud perbezaan pendapat apabila membicarakan tentang isu antara homoseksual dan penampilan transgender adalah perkara biasa. Pada tahun 1886, Krafft-Ebing merupakan antara orang pertama yang mengkaji isu transgender dengan mengambil kira isu transgenderism ini yang boleh dikaji dari aspek bidang Psikopatologi. Hasil kerja beliau yang pertama adalah dengan mendokumentasikan kedua-dua kes dysphoria gender dan individu

yang mempunyai identiti gender berbeza daripada jantina seksual semulajadi ketika mereka lahir di muka bumi.

Pada tahun 1923, Hirschfeld telah diiktiraf sebagai orang pertama untuk membezakan naluri golongan homoseksual yang mempunyai rakan kongsi yang mempunyai jantina seks yang sama seks) daripada golongan transeksual yang ingin hidup sebagai jantina yang berbeza dengan jantina asal pada kelahiran. Menjelang 1920-an, para pakar perubatan di Eropah telah memulakan eksperimen dengan pembedahan perubahan jantina seks atau *sex reassignment surgery (SRS)*. Namun begitu, pembedahan perubahan jantina seks (SRS) mula menarik perhatian masyarakat dunia pada George Jorgensen telah pergi ke negara Denmark sebagai seorang yang lelaki yang mempunyai fizikal jantina lelaki dan pada tahun 1952 beliau telah kembali negara asal di Amerika Syarikat sebagai seorang transgender wanita dengan melakukan pembedahan perubahan jantina seks daripada seorang lelaki kepada seorang wanita bagi memenuhi kehendak identiti gender dan orientasi seksual beliau. Pada masa yang sama beliau juga telah menukar nama dari George Jorgensen kepada nama seorang wanita iaitu Christine Jorgensen bagi memenuhi identiti gender dan ekspresi gender (Jorgensen, 1967). Daripada kes George Jorgensen ini maka para psikiatrik dan pegawai perubatan pada zaman tersebut mula mempunyai kesedaran dari aspek saintifik apabila berhadapan dengan isu ini dan konsep identiti gender mula diperkenalkan kepada masyarakat dunia berhubung dengan individu yang ingin bertukar identiti gender memandangkan sudah wujud banyak kes serupa dalam masyarakat tempat pada zaman tersebut (Stoller, 1985).